

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAAANI A/P PATTO [BATU
KAWAN]**

SOALAN NO. 215

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan, bantuan, subsidi serta insentif jangka pendek dan jangka panjang bagi penternak lembu, penternak khinzir, penternak ayam, nelayan, petani dari tahun 2008 sehingga 2019 dan untuk masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu menggalakkan pengeluaran pertanian, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program, bantuan, subsidi dan insentif dari tahun 2008 sehingga 2019 seperti berikut:

Sub-sektor perikanan

1. Bantuan elauan sara hidup kepada nelayan yang layak pada kadar RM200 sebulan. Bantuan tersebut diberikan bermula pada 1 Jun 2008.
2. Insentif hasil tangkapan ikan bagi menggalakkan pendaratan ikan dalam negara. Bayaran insentif dibuat dengan kadar 10 sen sekilogram kepada pemilik vesel yang layak bermula 1 Jun 2008.
3. Bantuan minyak bersubsidi nelayan bagi membantu menampung sebahagian kos operasi penangkapan ikan. Penetapan kadar dibuat pada harga RM1.65 seliter mulai 2 Oktober 2014.

SOALAN NO : 217

4. Program pembangunan akuakultur melalui ladang sinergi dan kluster SME bagi aktiviti ternakan ikan dan udang dalam sangkar. Dalam perkara ini, peserta akan menerima bantuan berbentuk *in-kind* seperti peralatan dan benih ternakan serta kidmat nasihat dan latihan teknikal.
5. Program pasar nelayan bagi menggalakkan jualan hasil tangkapan ikan secara terus kepada pengguna. Ini sekaligus mampu meningkatkan pendapatan nelayan tanpa melibatkan orang tengah.
6. Program keusahawanan dan industri asas tani melibatkan individu dan persatuan nelayan. Bantuan yang disediakan termasuklah geran pemanfaatan, pembangunan pusat pemprosesan, pembangunan modal insan dan penjenamaan produk.

Sub-sektor ternakan

Manakala bagi ternakan pula, antara program pembangunan yang dilaksana untuk penternak lembu adalah:

1. Program Program Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST) dilaksanakan di seluruh negara dan bermula pada tahun 2006 dan berakhir pada tahun 2016 ini adalah program sosio ekonomi melibatkan pinjaman ternakan kepada penternak. Namun, program ini ditamatkan pada tahun 2016.
2. Program NKEA/ Pemacu Pembangunan Pertanian (PPP) yang melibatkan dua (2) projek utama iaitu Projek EPP5 iaitu penternakan lembu pedaging di bawah perladangan kelapa sawit dan Projek EPP13 iaitu pengeluaran susu
3. Projek ladang satelit (Ladang Satelit Nasional – LSN) yang mula beroperasi pada tahun 2011 yang melibatkan penternakan lembu pedaging dan lembu tenusu
4. Program Agropreneur Muda adalah program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan telah dijalankan sejak tahun 2014 bagi membantu dan menggalakkan

SOALAN NO : 217

penglibatan generasi muda berumur antara 18 hingga 40 tahun dalam bidang keusahawanan (agropreneur) berdasarkan pertanian.

5. Program Sumber Kekayaan Baru (SKB) yang dilaksanakan pada tahun 2017 bagi program pembangunan industri tenusu;
6. Program Pembangunan Ruminan (PROPER) yang mula dilaksanakan pada tahun 2019 yang memfokuskan kepada peningkatan jumlah populasi induk pedaging
7. Insentif Pengeluaran Ternakan yang telah diluluskan pada tahun 2008 namun tidak diteruskan iaitu insentif kepada penternak berdasarkan pengeluaran dan kadar yang ditetapkan untuk setiap komoditi ternakan berdasarkan kategori penternak dan saiz pengeluaran.
8. Insentif bagi Projek Pengeluaran Makanan yang melibatkan pengecualian cukai kepada pengusaha yang mengembangkan bidang ternakan atau baru melabur untuk bidang ternakan. Pengecualian cukai sehingga 10 tahun boleh diberikan kepada pengusaha terbabit tertakluk kepada kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang memberi insentif kepada penternak khinzir di negeri ini dari tahun 2012-2018 dalam bentuk:

1. Dose pertama vaksin Penyakit Kuku dan Mulut (*Foot and Mouth Disease, FMD*) yang berjumlah RM210,000 (p1 & p2);
2. Pengecualian Kebenaran Merancang (KM) kepada penternak khinzir untuk menaiktaraf fasiliti daripada ladang terbuka kepada *closed house* (kandang tertutup) dalam penternakan babi ke arah *Modern Pig Farming (MPF)* dari tahun 19 April 2017 hingga 31 Disember 2020.

Kementerian juga sentiasa melaksanakan program kawalan penyakit dan kesihatan gerompok, khidmat teknikal veterinar, program pengembangan veterinar serta khidmat nasihat dan rundingcara kepada penternak termasuk penternak khinzir dan ayam.